

# 'Saya gembira, ramai bantu'

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**

utusanktn@utusan.com.my

■ LIPIS 5 SEPT.

**W**ALAUPUN baru lima hari menjakkan kaki di menara gading, Wan Ahmad Amirul Adha Wan Mahzir, 20, yang berstatus orang kurang upaya (OKU) mengakui dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor.

Pemuda dari Kampung Petola dekat sini itu, yang kudung kaki kanan, diberi sambutan 'meriah' pada hari pendaftarannya di universiti tersebut 1 September lalu berikutan kisah kesusahan kehidupan keluarganya disiarkan *Utusan Online* pada 28 Ogos lepas sehingga mendapat perhatian banyak pihak termasuk pentadbiran UPM.

Wan Ahmad Amirul Adha berkata, walaupun statusnya sebagai OKU dan bergerak menggunakan tongkat, dia cepat menyesuaikan diri dengan suasana kampus malah ramai penuntut lain yang membantu.

Katanya, program minggu suai kenal universiti berkenaan juga banyak memberikan pengetahuan kepadanya untuk menjalani kehidupan di kampus.

"Alhamdulillah, saya berterima kasih kepada pentadbir UPM kerana menempatkan saya di aras satu kolej yang memudahkan saya untuk kedewan kuliah dan menjalani aktiviti kokurikulum. Mereka memberi keyakinan dan motivasi kepada saya untuk menjalani kehidupan serta pembe-

lajaran di kampus ini.

"Saya juga berterima kasih kepada *Utusan Online* yang menyiaran masalah kehidupan kami termasuk kekurangan kewangan dalam membuat persiapan untuk melanjutkan pengajian di universiti ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Dia kehilangan kaki kanannya setelah dilanggar sebuah lori ketika membuncung motosikal emak saudaranya untuk ke Sekolah Kebangsaan Pagar Sasak dekat sini ketika hari pertama mendaftar persekolahan tahun lima pada 2011.

Wan Ahmad Amirul Adha bertekad memanfaatkan peluang menuntut di UPM untuk menimba ilmu dalam bidang pengajian Kesuasteraan Melayu dengan sebaik-baiknya.

"Walaupun kudung, status OKU ini tidak akan menghalang saya bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di kampus ini," katanya.

Sementara itu A inun Yusoh, 49, yang merupakan seorang ibu tunggal berkata, selepas berita mengenai kesusahan keluarga mereka disiarkan *Utusan Online* sebelum anaknya itu mendaftar di UPM, banyak pihak yang tampil memberikan sumbangan bagi menampung wang pendaftaran dan perbelanjaan Wan Ahmad Amirul Adha.

"Saya berterima kasih dan bersyukur dengan bantuan kewangan yang dihulurkan kepada kami. Budi dan keikhlasan mereka yang membantu termasuk pemimpin setempat di Lipis tidak dapat saya balas, hanya Allah SWT merahmati usaha mereka," katanya.



**WAN AHMAD AMIRUL ADHA WAN MAHZIR** (tengah) bersama rakannya bersedia menghadiri kuliah di UPM, Serdang, Selangor semalam.